

Buah tangan dari PM

UM 31/10/2003 - 30 PRECISE

Oleh KAMARUDDIN ISMAIL

PERSARAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 31 Oktober ini meninggalkan kenangan yang mendalam di kalangan penduduk Perak kerana beliau banyak memberikan "buah tangan" terutama dalam perkembangan ekonomi dan sosial negeri ini.

Di antara buah tangan Perdana Menteri di Perak ini ialah Projek Lebu Raya Utara Selatan (PLUS), Taman Farmaseutikal di Seri Iskandar, PSC Naval Dockyard (PSC-ND) di Lumut; Tasik Bukit Merah Resort di Semanggol, Pangkor Laut di Pulau Pangkor dan Bandar Proton di Tanjung Malim.

Semasa Dr. Mahathir mula menerajui tampuk kepimpinan negara pada tahun 1982, ekonomi Perak begitu tertekan dengan kejatuhan industri bijih timah menyebabkan kerajaan negeri ini kehilangan punca pendapatan utamanya.

Atas keprihatinan Dr. Mahathir, Kerajaan Negeri mula mengorak langkah melakukan pelbagai usaha ekonomi termasuk mewujudkan empat koridor pembangunan supaya sosio ekonomi rakyat negeri ini seimbang.

Empat koridor pembangunan tersebut adalah Koridor Utara yang bermula dari Parit Buntar ke Taiping, Koridor Tengah yang berpusat di Ipoh, Koridor Selatan meliputi Slim River ke Tanjung Malim dan Teluk Intan; dan Koridor Timur Laut meliputi Hulu Perak dan Selama.

Dengan adanya Koridor Utara, kerajaan negeri mampu mewujudkan kawasan industri di Parit Buntar, Lembah Beriah, Kamunting dan Taiping yang menampung pelbagai industri ringan.

Manakala Koridor Tengah yang berpusat di Ipoh turut meliputi daerah Kinta dan sepanjang Lebu Raya Ipoh Lumut dan merupakan kawasan yang padat dengan penduduk.

Malah koridor ini mempunyai infra-struktur sedia ada sejak zaman penjajahan British berikutan kemasyhuran industri bijih timah.

Manakala Koridor Timur Laut lebih difokuskan kepada pembangunan industri berasaskan perikanan memandangkan kawasan Hulu Perak dan Selama kaya dengan kayu balak serta hasil hutan.

Apabila Dr. Mahathir mencadangkan pembinaan lebu raya utara selatan merentasi Semenanjung Malaysia bermula dari Johor Bahru



TAJOL Rosli Ghazali (kanan) bersama Dr. Mahathir melambai tangan sejurus tiba di Stadium Perak sempena sambutan Hari Belia Negara 2001.

hingga ke Bukit Kayu Hitam di Kedah, pelbagai pihak kurang senang.

Lebu raya PLUS itu yang melalui negeri ini bermula dari Tanjung Malim dan berakhir di Sungai Kerian sepanjang 222 km mempunyai 16 persimpangan bertingkat, enam kawasan rehat dan rawat serta 12 hentian sebelah.

Pandangan jauh Dr. Mahathir ternyata bernas apabila pembukaan lebu raya itu berjaya menjana pertumbuhan ekonomi di sepanjang lebu raya di Perak dengan pembukaan kawasan perindustrian baru seperti Lembah Bernam dan Lembah Beriah.

Perdana Menteri yang turut melontarkan buah fikirannya kepada kerajaan Perak bagi membangunkan industri automotif dan berteknologi tinggi di kawasan selatannya.

Kesan pembahagian kawasan pembangunan itu berjaya menarik Perusahaan otomobil Nasional Berhad (Proton) untuk membina kilang pemasangannya di sini serta membangunkan sebagai Bandar Proton atau Proton City supaya dapat menarik lebih ramai pelabur tempatan dan asing.

Bandar yang terletak lebih kurang 81 km dari

Kuala Lumpur dan 131 km dari Ipoh turut menawarkan kehidupan yang berkualiti seperti mana yang terdapat di Koridor Raya Multimedia (MSC).

Proton telah menanam modal bagi projek ini sebanyak RM4 bilion dijangka mempunyai kapasiti pengeluaran sehingga 100,000 unit setiap tahun tetapi berkemampuan mengeluarkan 500,000 unit kereta setahun menjelang tahun 2005.

Selain Bandar Proton, Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Mohd. Tajol Rosli turut mencadangkan sebuah taman teknologi tinggi yang mempunyai keluasan antara 200 - 400 hektar yang akan dinamakan Bandar Robo (Robocity).

Robocity akan memperkenalkan industri automotif dan robotik dalam pembuatan kereta, teknologi tinggi, robotik bagi industri marin, industri pertahanan dan angkasa lepas; teknologi maklumat dan telekomunikasi, bio eknolgi dan sebagainya.

Selain itu, Perdana Menteri yang amat berminat dengan industri marin turut memberi perhatian serius dalam pembangunan berkaitan

dengan industri tersebut seperti mana yang beliau dicadangkan bagi Pulau Langkawi.

Penubuhan pelabuhan Lumut yang terdiri daripada Terminal Miritim Lumut (TML) dan Terminal Pukal Lekir (TPL) dapat meningkatkan kemudahan pengeksportan dan pengimportan barangan bagi negeri ini dan negeri-negeri lain.

TPL yang mula dibina pada tahun 1998 dengan perbelanjaan RM450 juta mempunyai dermaga pemunggahan pukal kering yang terbesar di Asia Tenggara dan boleh mengendalikan lebih kurang sembilan juta tan kargo setahun.

TML pula akan mengendalikan pelbagai jenis kargo seperti kargo am, pukal kering dan cecair serta memberi perkhidmatan tambahan seperti *Container Feeder Service* untuk penghantaran kontena ke Pelabuhan Klang.

Pelabuhan ini telah mengendalikan kargo sebanyak 1.94 juta pada tahun lalu berbanding 1.1 juta tan pada tahun 2001 ternyata misi Dr. Mahathir untuk melihat kejayaan Perak dalam industri perkapalan mula membuahkan hasil.

Kehadiran pelabuhan tersebut membuatkan konsortium dari Amerika Syarikat, China dan Hong Kong melabur RM9.8 bilion bagi projek pembinaan kilang peleburan aluminium.

Selain itu, industri pembinaan kapal yang diusahakan PSC-ND di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut turut menarik minat Perdana Menteri yang mana beliau sudah beberapa kali melakukan lawatan ke situ.

Dalam siri lawatan tersebut, Dr. Mahathir melihat sendiri keupayaan PSC-ND dalam pembinaan kapal serta pembaikan kapal bagi kegunaan tentera termasuk kapal selam.

Perkembangan industri berasaskan marin di Perak bertambah rancak apabila syarikat DKLS Industries Bhd (DKLS) akan membangunkan sebuah marina yang bernilai RM700 juta di Teluk Muroh, Lumut yang akan berfungsi sebagai pelabuhan kapal persiaran antarabangsa pertama di Asia Pasifik di sebuah kawasan tebus guna.

Marina ini yang dikenali sebagai Marina Sanctuary Resort (MSR) terletak di lokasi strategik di antara Pulau Langkawi dan Thailand di utara dan Melaka dan Singapura di selatan yang akan menjadi persinggahan kapal persiaran antarabangsa kelak.